

27/02/1997

Myanmar sedia iktiraf 8,000 rakyat

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Perdana Menteri Myanmar, Naib Laksamana Maung Maung Khin, memberi jaminan kerajaan negara itu bersedia mengiktiraf 8,000 rakyatnya di negara ini walaupun tanpa dokumen sah.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Maung memberi jaminan itu selepas menimbang kebimbangan Malaysia terhadap masa depan rakyatnya yang kini tidak bernegara kerana tidak diiktiraf oleh negara berkenaan.

Menurutnya, Malaysia meminta Kerajaan Myanmar menyediakan prosedur pendaftaran semula bagi membolehkan rakyatnya mendapat dokumen yang sah untuk dihantar pulang.

"Dalam perjumpaan dengan Maung semalam, beliau memberi alasan kebanyakan rakyatnya di sini tidak mempunyai dokumen perjalanan. Ini menyebabkan pejabat kedutaan tidak dapat membuat pengesahan.

"Bagaimanapun, kita berpendapat, Myanmar perlu menggunakan apa saja kaedah termasuk temuduga atau berhubung secara langsung dengan waris mereka bagi mengelakkan rakyatnya ditahan atau terkandas di sini.

"Kita menyatakan pendirian ini dengan tegas dan mereka memberi jaminan untuk mengeluarkan dokumen pengesahan jika pemohon dapat mengemukakan bukti," katanya dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) pembinaan loji tenaga arang batu bernilai RM3.25 bilion di antara wakil kerajaan Republik Kazakhstan dan Mega Meisa Sdn Bhd.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang meminta Myanmar membantu Malaysia menghantar pulang 8,000 rakyat negara itu yang memasuki negara ini secara tidak sah.

Perdana Menteri juga meminta bantuan Myanmar mengenal pasti rakyatnya yang sebelum ini dilaporkan menghadapi masalah untuk dihantar pulang kerana kerajaan Yangon tidak mengiktiraf mereka.

Malaysia turut menghadapi masalah mendapatkan bantuan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) kerana mereka bukan pelarian perang.

Abdullah juga berkata, antara punca rakyat Myanmar tidak mempunyai dokumen perjalanan ialah kerana ditipu oleh sindiket yang membawa masuk mereka ke negara ini.

Menurutnya, sindiket terbabit dipercayai menyembunyikan dokumen itu bagi mengelakkan mereka melarikan diri.

"Bagaimanapun, ini adalah masalah mereka, kita minta Kerajaan Myanmar atasi masalah ini kerana jumlah pendatang dari negara berkenaan semakin bertambah dan membebankan kita," katanya.

Terdahulu, Menteri Tenaga dan Industri Arang Batu Republik Kazakhstan, Victor Khrapunov dan Pengerusi Eksekutif Mega Meisa, Abd Halim Mahmud, menandatangani MOU itu.

(END)